

Oleh Muhammad Irsyad Bin Mohd Ramthan  
Setiausaha  
Persatuan Muslim Universiti Nasional Singapura  
(NUS)

**S**EJAK 2010, Persatuan Muslim NUS (NUSMS) telah menganjurkan acara tahunan berbasikal malam (Night Cycling) yang bertujuan untuk mengeratkan sillaturahim bersama belia, serta mendidik para peserta mengenai nilai-nilai Islam sambil mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal.

Tetapi, bagi tahun akademik 2013/2014, kami telah mengambil keputusan untuk melakukan satu rombakan dan perubahan.

Buat julung-julung kalinya pada 29 Mac lalu, NUSMS telah menganjurkan acara *Hunger Games*, yang menggabungkan pelbagai sukan seperti Bot Naga (Dragonboating), berbasikal, serta pelbagai permainan lain.

Kesemua ini bertujuan untuk memaparkan nilai-nilai Islam yang berlainan, seperti fakta mengenai 25 Nabi dan kalendar Islam.

Acara ini telah menarik seramai 115 orang peserta.

Selaras dengan tema *Hunger Games*, peserta kami dipanggil Ufti (Tributes), dan mereka telah dibahagikan kepada daerah yang berlainan di mana mereka diketuai oleh fasilitator mereka, pihak Pengaman (Peacekeepers).

Aktiviti sepanjang hari ini telah dirancang dan dilaksanakan di bawah pemerhatian jawatankuasa dan sukarelawan, secara kolektif yang dirujuk sebagai 'Capitol'.

Hari bermula dengan para peserta berinteraksi dan mengenali antara satu sama lain serta fasilitator mereka, manakala ketua Capitol, Wan Muhammad Fazlan, memperkenalkan kepada nama-nama daerah mereka.

Daerah-daerah telah dinamakan berdasarkan individu Muslim yang ketara dan terkenal dengan semangat perjuangan mereka, kualiti yang diperlukan untuk menyelesaikan setiap aktiviti-aktiviti yang disediakan sepanjang hari.

Para peserta kemudian menuju ke Persatuan Perahu Naga Singapura (SDBA) bagi sukan bot naga yang memakan masa dua jam, sebelum kembali untuk makan tengah hari.

Kami semua berangkat dari SDBA dan tiba di Taman East Coast melalui pengangkutan awam dengan selamat.

Para Ufti dan Pengaman dengan segera mengambil basikal mereka sebelum meneruskan usaha mereka untuk memenangi acara *Hunger Games* ini.

Meskipun seronok dan tekun menyelesaikan setiap acara permainan, semua yang terlibat dalam *Hunger Games* 2014 tetap menjaga waktu solat.

Apabila hari bertukar menjadi senja, acara kami juga tiba ke penghujungnya. Hadiyah-hadiyah telah diberikan kepada tiga daerah terbaik.

Pihak Capitol mengucapkan jutaan terima kasih kepada para Ufti, Pengaman dan sukarelawan yang telah memainkan peranan yang penting untuk menjayakan acara ini.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada semua pihak penaja kami yang telah menyokong dan menyumbang kepada acara itu.

Pihak Capitol juga berharap semua orang telah menikmati acara ini sebanyak seperti yang diinginkan, memperoleh pengalaman yang sukar dilupakan dan membina perhubungan yang bermakna antara satu sama lain.

# Gembira bermain 'Hunger Games'



**BERBALOI AKHIRNYA:** Jawatankuasa perancang serta fasilitator yang telah menolong merancang acara Hunger Games 2014 berasa lega semuanya berjalan dengan lancar. – Foto-foto PERSATUAN MUSLIM UNIVERSITI NASIONAL SINGAPURA (NUSMS)

## BERMAIN BERSUNG-GUH-SUNGGUH:

Para peserta yang mengambil bahagian mahu memastikan kumpulan mereka bergelar juara. Antara permainan yang membolehkan mereka mengumpul mata termasuk permainan 'Captain's Ball' ini.



**SEMPAT BERJEMAAH:** Para peserta berhenti sekejap dan solat berjemaah di tepi stesen permainan mereka bila tibanya waktu Zuhur.



**ANTARA PERMAINAN YANG DIGEMARI:** Dalam permainan 'Prophetic Tree', peserta harus mengenakan gulungan akbar ke arah tubuh ketua permainan tersebut untuk mendapat peluang menyelesaikan teka-teki mengenai fakta tentang 25 nabi kita.